



DASAR  
EDISI 2021

# PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

BUSINESS INNOVATION & TECHNOLOGY  
COMMERCIALIZATION CENTRE  
(BITCOM)



DASAR EDISI 2021  
**PENGKOMERSIALAN  
HARTA INTELEK**

PENERBIT  PRESS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



DASAR EDISI 2021

# PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

PENERBIT PRESS  
Business Innovation &  
Technology Commercialization  
Centre (BITCOM)

PENERBIT  PRESS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© Penerbit UiTM, UiTM 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota  
**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia Data

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

978-967-363-816-1

Pereka Kulit: Muhammad Noor Haikhmal M. Satar  
Pereka Letak: Muhammad Noor Haikhmal M. Satar

Jawatankuasa Editorial: Syed Shatir Asghrar Syed Hassan  
Farizah Mohamed Isa  
Fazlena Hamzah  
Shahril Anuar Bahari  
Fazleen Haslinda Mohd Hatta  
Julina Tajul Ariffin  
Muhamad Helmi Muhamad Khair  
Aisyah Mohd Yasim

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM  
Kolej Pengajian Seni Kreatif  
Universiti Teknologi MARA  
40450, Shah Alam  
Selangor

## **ISI KANDUNGAN**

<i>Prakata Naib Canselor</i>	vi
<i>Pengenalan</i>	ix
1. Tujuan Dasar	1
2. Skop Pemakaian	2
3. Undang-Undang, Dasar dan Perintah Am yang Berkaitan	3
4. Takrif	5
5. Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Dasar Ini	12
6. Cadangan Pengkomersialan Harta Intelek UiTM	15
7. Kaedah Pengkomersialan Harta Intelek	19
8. Percanggahan Kepentingan dan Komitmen Staf UiTM	23
9. Tanggungjawab Untuk Menjaga Kerahsiaan	26
10. Penamatan Status Syarikat Pemula dan Syarikat Terbitan	27
11. Kuasa Universiti	28
12. Lain-Lain	28
13. Tarikh Dasar Ini Berkuat Kuasa	28
<i>Rujukan</i>	37





## **PRAKATA**

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera

Saya merakamkan jutaan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat di dalam semakan dan penerbitan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA Edisi 2021 ini.

Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA Edisi 2021 ini menyediakan maklumat, garis panduan dan prosedur pengurusan bagi pengkomersialan harta intelek yang komprehensif termasuk hal-hal berkaitan agihan hasil pengkomersialan. Dasar ini penting bagi menyokong hasrat UiTM untuk memperkasakan produk dan inovasi daripada penyelidik UiTM melalui aktiviti pengkomersialan di pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Dasar ini juga merupakan pemangkin bagi menyokong strategi untuk menggalakkan pengkomersialan harta intelek seperti yang terkandung dalam Dasar Harta Intelek Negara dan juga Program Tranformasi Universiti (UNiTP). Ketetapan pengkomersialan universiti yang lengkap digariskan dalam dasar ini untuk menfaat penyelidik UiTM dalam mentransformasikan inovasi kepada produk tanpa mengabaikan integriti sebagai ahli akademik. Penyelidikan, inovasi dan produk yang dihasilkan oleh warga UiTM diharap dapat menyumbang kepada universiti, dimanfaatkan oleh masyarakat dan untuk pembangunan industri yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi.

Saya berharap penerbitan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA Edisi 2021 ini dapat memeriahkan lagi aktiviti pengkomersialan harta intelek dalam kalangan warga UiTM dan

menggalakkan lebih banyak cetusan idea penyelidikan dan inovasi yang boleh dimanfaatkan untuk pengkomersialan. Semoga produk dari UiTM ini dapat dikomersialkan secara meluas dan bermanfaat untuk masyarakat, agama dan negara.

Sekian.

Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA





## **PENGENALAN**

Dasar ini bertepatan dengan hasrat kerajaan yang memfokus kepada pertumbuhan ekonomi berdasarkan ilmu pengetahuan. Susulan itu, Dasar Pengkomersialan Harta Intelek UiTM 2018 telah dikemukakan bertujuan untuk menggalakkan penyelidik UiTM menjalankan atau menghasilkan harta intelek yang berpotensi untuk dikomersialkan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Pada tahun 2020, Business Innovation and Technology Commercialization (BITCOM) Centre telah diminta untuk meneliti garis panduan tersebut supaya lebih mantap, jelas dan sesuai dengan pengembangan terkini. Pada penghujung tahun 2021, BITCOM telah menyiapkan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek UiTM Edisi 2021 dan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti untuk digunakan oleh warga UiTM.

Dasar ini memberi perlindungan dan pengiktirafan serta ganjaran kepada penyelidik atau pencipta agar teknologi baharu yang diketengahkan dapat memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu negara dan pencipta/penyelidik. Seterusnya dapat melahirkan lebih ramai penyelidik yang inovatif dan kreatif. Dasar Pengkomersialan Harta Intelek diwujudkan bagi menyediakan garis panduan pengurusan berkaitan pengkomersialan harta intelek di UiTM secara lebih komprehensif termasuk tatacara pengagihan pendapatan pengkomersialan dan insentif kepada pencipta/penyelidik.





## 1.0 TUJUAN DASAR

- 1.1 Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Universiti Teknologi MARA (selepas ini dirujuk sebagai ‘Dasar ini’) bertujuan untuk mengurus dan mengendalikan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM.
- 1.2 Secara khususnya, Dasar ini mengurus dan mengendalikan aktiviti pengkomersialan tersebut dengan:
  - a. mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini;
  - b. mewujudkan prosedur cadangan dan membuat keputusan pengkomersialan Harta Intelek UiTM yang cekap dan berkesan;
  - c. menetapkan hak dan obligasi pihak-pihak terlibat dalam aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM;
  - d. membantu UiTM memilih kaedah yang boleh diguna pakai bagi tujuan pengkomersialan Harta Intelek;
  - e. menggunakan garis panduan pengagihan Hasil Pengkomersialan Harta Intelek UiTM.
- 1.3 Dasar ini bertujuan untuk menetapkan amalan pengkomersialan Harta Intelek dan memberi galakan kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu supaya menghasilkan Harta Intelek yang berpotensi untuk dikomersialkan.
- 1.4 Selain itu, Dasar ini juga berperanan untuk mengawal selia penglibatan Staf dalam aktiviti pengkomersialan dan penubuhan Syarikat Pemula/ Terbitan Universiti.



## 2.0 SKOP PEMAKAIAN

- 2.1 Dasar ini terpakai ke atas semua aktiviti pengkomersialan Harta Intelek yang dihasilkan oleh Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, dan yang mana hak dan/atau kepentingan ke atas Harta Intelek tersebut dimiliki oleh UiTM.
  
- 2.2 Dasar ini juga boleh diguna pakai bagi tujuan mengkomersialkan apa-apa idea, produk ('tangible' atau 'non-tangible') atau proses yang dihasilkan oleh Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, tetapi tidak diklasifikasikan sebagai Harta Intelek atau didapati tidak layak mendapat perlindungan Hak Harta Intelek.





### **3.0 UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PERINTAH AM YANG BERKAITAN**

- 3.1 Dasar ini digubal selaras dengan peruntukan undang-undang bertulis Harta Intelek (khususnya Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Petunjuk Geografi 2000, Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000) dan undang-undang tidak bertulis (khususnya undang-undang ‘Common Law’) berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit yang kini berkuat kuasa di Malaysia.
- 3.2 Dasar di peringkat kebangsaan iaitu Dasar Pengkomersialan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan yang Dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (2013 – 2020) dan dasar dalaman UiTM turut dijadikan rujukan bagi memastikan keseragaman Dasar-Dasar tersebut dengan Dasar ini.
- 3.3 Dasar ini juga digubal dengan merujuk kepada Garis Panduan Perundingan, Pengurusan dan Pengkomersialan Harta Intelek Universiti Awam 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- 3.4 Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek adalah juga dirujuk bagi memastikan kepatuhan terhadap perintah-perintah tersebut, khususnya oleh Staf UiTM atau mana-mana Pelajar dan Rakan Sekutu, yang merupakan Kakitangan Awam. Antara Pekeliling Perkhidmatan yang dijadikan rujukan adalah:
  - a. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 2009: Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang Dibiayai oleh Kerajaan.
  - b. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002: Pemilikan dan Perisyiharan Harta oleh Pegawai Awam.

- c. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993: Bayaran (*Fees*), elaun-elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun/ Kuasa-kuasa Tempatan/ Badan-badan Perniagaan yang kerajaan mempunyai kepentingan).
- d. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982 Penglibatan Staf Kerajaan dalam Lembaga Pengarah Syarikat Perdagangan/ Perusahaan Persendirian atau Syarikat Perdagangan/Perusahaan di mana Koperasi/ Tabung/ Kesatuan Sekerja Staf Awam Mempunyai Kepentingan dari Segi Pelaburan Modal dan/atau Ekuiti.





## 4.0 TAKRIF

4.1 Untuk tujuan Dasar ini, terma dan definisi berikut digunakan:

- a. **Hak Harta Intelek** bermaksud semua jenis hak (hak milik, hak eksklusif dan hak moral) dan apa-apa kepentingan (selaku pemegang lesen) yang diiktiraf dan dilindungi di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis, khususnya semua hak dan kepentingan yang timbul daripada undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan dan maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan.
- b. **Harta Intelek** bermaksud apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, rahsia perdagangan atau maklumat sulit sama ada yang layak atau tidak layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang Harta Intelek sama ada undang-undang bertulis (khususnya undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan varieti baru tumbuhan) atau undang-undang tidak bertulis ('Common Law').
- c. **Harta Intelek UiTM** bermaksud semua Harta Intelek yang mana UiTM mempunyai hak dan/atau kepentingan kontraktual atau kepentingan ekuiti hasil daripada pemberian/penyerahan hak milik, pemberian lesen atau operasi perundangan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- d. **Hasil Pengkomersialan** bermaksud pendapatan yang diterima oleh UiTM daripada pengkomersialan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - i. Royalti jualan (daripada pemegang lesen/ pemegang lesen kecil);
  - ii. Hasil daripada pemindahan teknologi;
  - iii. Hasil daripada penyerahan/pemberian lesen Hak Harta Intelek;

- iv. Dividen daripada saham yang dimiliki oleh UiTM dalam Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti atau lain-lain yang ditubuhkan untuk mengkomersialkan Harta Intelek; atau
  - v. Hasil daripada jualan saham yang dimiliki oleh UiTM dalam Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti atau lain-lain yang ditubuhkan untuk mengkomersialkan Harta Intelek.
- e. **Hasil Pengkomersialan Bersih** bermaksud Hasil Pengkomersialan selepas ditolak Kos Pengkomersialan.
- f. **Kos Pengkomersialan** bermaksud semua kos yang kebiasaannya dan secara munasabahnya diperlukan dan/atau ditanggung dalam mengkomersialkan Harta Intelek, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- i. kos permohonan dan pendaftaran Harta Intelek;
  - ii. kos perundangan;
  - iii. yuran akauntan;
  - iv. perbelanjaan penilai;
  - v. yuran pengurusan BITCOM;
  - vi. perbelanjaan perunding (perunding Harta Intelek, pengkomersialan dan lain-lain perunding);
  - vii. kos profesional luar yang lain;
  - viii. kos perjalanan dan penginapan setakat yang wajar dan munasabah;
  - ix. kos penerimaan pemindahan teknologi (“technology acquisition”);
  - x. apa-apa kos yang berkaitan dengan pengkomersialan.
- g. **Lesen** bermaksud hak untuk mengeksplotasi Hak Harta Intelek (merangkumi hak eksklusif/tunggal/bukan eksklusif/bersilang) yang diberikan oleh pelesen (sama ada pemilik Harta Intelek

atau pemegang lesen sedia ada) kepada satu atau lebih pihak lain (dikenali sebagai pemegang lesen atau pemegang sub-lesen, tertakluk kepada keadaan). Dalam konteks Dasar ini:

- i. Lesen Eksklusif – Pemberi lesen memindahkan sepenuhnya hak untuk mengeksplotasi sesuatu Harta Intelek kepada penerima lesen. Dalam masa yang sama, pemberi lesen juga melupuskan kesemua haknya untuk mengeksplotasi Harta Intelek tersebut. Pemberian lesen tersebut hanya kepada penerima lesen tersebut sahaja dan pemberi lesen tidak lagi dibenarkan untuk memberikan apa-apa lesen yang serupa bagi Harta Intelek tersebut kepada mana-mana pihak lain.
- ii. Lesen Tunggal – Pemberi lesen memindahkan sepenuhnya hak untuk mengeksplotasi sesuatu Harta Intelek kepada penerima lesen. Walau bagaimanapun, pemberi lesen masih mengekalkan haknya untuk mengeksplotasi Harta Intelek tersebut.
- iii. Lesen Bukan Eksklusif – Pemberi lesen memberikan hak untuk mengeksplotasi sesuatu Harta Intelek kepada seorang atau lebih pihak. Dalam masa yang sama, pemberi lesen masih boleh mengeksplotasi Harta Intelek tersebut. Pemberi lesen juga dibenarkan untuk memberikan lesen kecil kepada mana-mana pihak yang lain.
- iv. Lesen Bersilang – Dua atau lebih pihak memberikan lesen secara timbal balas untuk mengeksplotasi Harta Intelek-Harta Intelek satu sama lain. Balasan kepada pemberian lesen tersebut adalah berupa lesen yang diberikan secara timbal balas tersebut. Di mana hak untuk mengeksplotasi atau nilai Harta Intelek tidak setara, pihak-pihak yang terlibat boleh memasukkan pembayaran atau royalti sebagai balasan tambahan.

- h. **Maklumat Sulit** meliputi semua jenis data/maklumat, termasuk pengetahuan teknologi ('technology know-how'), dalam bentuk lisan/bertulis/audio/visual, sama ada bercetak atau digital, yang mengandungi data/maklumat perdagangan, peribadi, saintifik, penyelidikan, organisasi, kerajaan, ketenteraan atau lain-lain data/maklumat yang pada pendapat UiTM ia perlu dirahsiakan daripada pengetahuan umum.
- i. **Pelajar** diberi maksud yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UiTM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Pelajar UiTM bermaksud sesiapa sahaja yang diiktiraf sebagai Pelajar UiTM di bawah Akta 173, yang meliputi pelajar pasca ijazah, ijazah sarjana muda, diploma, sijil, asasi atau pradiploma yang berdaftar dan berstatus aktif dengan UiTM sama ada sebagai pelajar sepenuh masa/separuh masa di dalam kampus atau di luar kampus UiTM.
- j. **Pemindahan Teknologi** bermaksud proses menyalurkan teknologi dan/atau kepakaran, kemahiran, pengetahuan berhubung teknologi yang terhasil daripada/terkandung di dalam sesuatu Harta Intelek untuk manfaat Pihak Luar dan sebaliknya.
- k. **Pengetahuan teknologi** ('technology know-how') bermaksud sebarang kaedah, teknik, proses, penemuan, inovasi, spesifikasi, resipi, formula, reka bentuk, plan, dokumentasi, lukisan, data dan/atau informasi teknikal atau pengetahuan lain seumpamanya yang mempunyai nilai pengetahuan bagi pengguna yang boleh dilesenkan atau dijual secara langsung termasuklah rahsia perniagaan.
- l. **Pengkomersialan** dalam konteks Dasar ini bermaksud aktiviti yang bertujuan untuk menjana pendapatan dan/atau pulangan kewangan daripada Harta Intelek, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
  - i. penyerahan hak ("assignment") dan/atau pelesenan ("licensing") sebahagian atau keseluruhan Hak Harta Intelek dengan balasan kewangan/royalti yang setimpal;

- ii. penubuhan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti atau syarikat usahasama yang menghasilkan, membuat, mengilang, mengeluarkan, membekal, memasarkan atau memfrancaiskan produk/perkhidmatan yang mengandungi atau menggunakan Harta Intelek UiTM;
  - iii. pemindahan teknologi oleh UiTM kepada pihak luar dengan balasan kewangan yang setimpal.
- m. **Penyerahan Hak** bermaksud memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas sesuatu Harta Intelek.
- n. **Percanggahan Kepentingan** wujud apabila kepentingan peribadi, kerjaya atau kewangan Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM sama ada pada hakikat atau pada zahirnya:
- i. menjelaskan tugas hakiki atau profesionalisme Staf;
  - ii. mempengaruhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi Staf; atau
  - iii. mempengaruhi keputusan atau tingkah laku Staf berhubung dengan pelantikan dan kenaikan pangkat, penggunaan sumber UiTM atau interaksi dengan Staf dengan Staf yang lain atau pihak luar.
- o. **“Percanggahan Komitmen”** wujud apabila hubungan dengan pihak luar atau aktiviti luar Staf sama ada pada hakikat atau pada zahirnya mengganggu atau menyaingi misi pendidikan, penyelidikan atau perkhidmatan UiTM atau keupayaan atau kesediaan Staf untuk melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya berhubung dengan jawatannya.
- p. **Perjanjian** dalam konteks Dasar ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada Perjanjian Penyelidikan dan Pembangunan Usaha Sama, Perjanjian Kerahsiaan (*Confidential Agreement*)/Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (*Non-Disclosure Agreement*), Memorandum Persefahaman (MoU)/Memorandum Perjanjian (MoA), Perjanjian Penyerahan Hak Harta Intelek (*Assignment*),

Perjanjian Pemberian Lesen (*Licensing Agreement*), Perjanjian Pemindahan Teknologi dan Perjanjian Pertukaran Staf dan lain-lain yang berkaitan.

- q. **Rahsia Perdagangan** meliputi formula, kaedah, amalan, proses, resipi dan lain-lain pengetahuan (“know-how”) yang dirahsiakan dan/atau belum menjadi pengetahuan umum yang memberi kelebihan ekonomi kepada pemilik rahsia perdagangan tersebut ke atas pesaing perniagaannya.
- r. **Rakan Sekutu** termasuk, tetapi tidak terhad kepada rakan usaha sama dalam penyelidikan, penyelidik pelawat, perunding, profesor adjung, felo atau mana-mana individu, entiti atau badan korporat lain yang dijemput secara rasminya oleh UiTM (sama ada dengan atau tanpa ikatan kontraktual) bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi, tetapi bukan merupakan Staf atau Pelajar UiTM.
- s. **Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM)** (atau mana-mana badan yang menggantikannya) merujuk kepada satu badan yang ditubuhkan untuk menguruskan harta intelek universiti, menjalankan aktiviti pengkomersialan serta bertindak sebagai agen pelaksana dasar ini.
- t. **Senat UiTM** adalah merujuk kepada satu badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 16A Akta UiTM 1976 (Akta 173).
- u. **Staf** diberi maksud yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UiTM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Staf UiTM bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan oleh UiTM, sama ada secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, merangkumi staf akademik dan staf bukan akademik.
  - i. Staf Akademik merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada profesor, pensyarah, tutor dan pembantu pensyarah dan juga meliputi semua gred dan pangkat.

- ii. Staf Bukan Akademik merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada bendahari, pendaftar, jurutera, arkitek, pegawai eksekutif, pembantu makmal, pembantu tadbir, pembantu am dan lain-lain Staf sokongan dan juga meliputi semua gred dan pangkat.
- . **UiTM atau Universiti** bermaksud Universiti Teknologi MARA, yang ditubuhkan di bawah Akta UiTM 1976 (Akta 173) dan termasuk juga penerima serah hak serta wakil/agen atau staf yang dilantik/diberi kuasa untuk mewakil/bertindak bagi pihaknya.





## **5.0 PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN DASARINI**

- 5.1 Senat UiTM selaku “Custodian” Dasar ini telah menurunkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Harta Intelek dan Pengkomersialan (JKHIP) untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini.
- 5.2 Tanggungjawab JKHIP:
- a. Bertanggungjawab kepada Senat dalam hal ehwal pengurusan harta intelek dan pengkomersialan Universiti.
  - b. Mengkaji dan mengesahkan dasar/pindaan dasar dan hala tuju, perancangan strategik dan pembangunan harta intelek dan pengkomersialan universiti.
  - c. Melaksanakan dasar dan garis panduan untuk aktiviti harta intelek dan pengkomersialan.
  - d. Memantau pelaksanaan dan pematuhan dasar-dasar harta intelek dan pengkomersialan Universiti.
  - e. Mengesyorkan dasar baharu Harta Intelek dan Pengkomersialan kepada Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti untuk sokongan.
  - f. Mengenal pasti dan melantik penilai di peringkat Universiti yang meneliti permohonan perlindungan harta intelek dan pengkomersialan daripada penyelidik.
  - g. Memastikan penilaian dilakukan mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.
  - h. Memantau kemajuan pembangunan produk.
  - i. Meluluskan permohonan baharu perlindungan harta intelek (paten, reka bentuk industri, dan cap dagang).
  - j. Menilai dan meluluskan perjanjian pengkomersialan/perlesenan, penubuhan Syarikat Permula dan penubuhan Syarikat Hiliran/Terbitan (*Spin-Off*).

- k. Pelaporan kemajuan penjanaan hasil daripada pengkomersialan harta intelek.
- l. Menimbang dan meluluskan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan hal ehwal dan pengkomersialan termasuk penyelidik, prasarana dan hasilan Universiti untuk pengesahan Senat.
- m. Membincangkan laporan pencapaian pengkomersialan serta cadangan penambahbaikan berterusan.

### 5.3 Tanggungjawab BITCOM

- a. BITCOM selaku Urus setia di dalam JKHIP memikul tanggungjawab sebagai agen pelaksana Dasar ini.
- b. Antara tanggungjawab utama BITCOM selaku agen pelaksana Dasar ini adalah seperti berikut:
  - i. Memastikan apa-apa keputusan dan/atau arahan yang dibuat oleh JKHIP/Senat UiTM di bawah Dasar ini dilaksanakan dengan jayanya;
  - ii. Menyimpan dan mengemas kini portfolio dan pangkalan data Harta Intelek UiTM bagi tujuan rujukan umum, audit, penilaian, sorotan teknologi, pengkomersialan, urusan kenaikan pangkat, pemberian anugerah/insentif dan lain-lain tujuan/urusan yang bersesuaian;
  - iii. Memberikan input/nasihat/khidmat perundangan dan teknikal kepada JKHIP berhubung aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM dan pengagihan Hasil Pengkomersialan;
  - iv. Menasihati JKHIP dalam perkara berkaitan penilaian teknikal, penilaian risiko dan potensi pengkomersialan Hak Harta Intelek;
  - v. Mengendalikan rundingan berkaitan dengan aktiviti pengkomersialan dengan Staf, Pelajar, Rakan Sekutu UiTM atau pihak luar yang melibatkan Harta Intelek UiTM;
  - vi. Menyediakan draf Perjanjian Penyerahan Hak, Pelesenan, Pemindahan Teknologi, Kerahsiaan dan lain-lain Perjanjian

- yang melibatkan Harta Intelek UiTM yang hendak dikomersialkan;
- vii. Memantau dan mengambil tindakan segera dan perlu jika terdapat sebarang pelanggaran oleh mana-mana pihak ke atas hak dan kepentingan UiTM ke atas Harta Intelek yang dikomersialkan tersebut;
  - viii. Menyiasat secara terperinci dan mencari jalan penyelesaian secara adil dan saksama bagi sebarang pertikaian yang berbangkit daripada pengkomersialan Harta Intelek UiTM;
  - ix. Menghebahkan, memberi maklumat dan menjelaskan intipati Dasar ini kepada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM melalui penerbitan, bengkel, seminar dan kursus;
  - x. Mencadangkan apa-apa garis panduan yang perlu bagi memperincikan dan memperkemaskan pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini;
  - xi. Mencadangkan apa-apa pindaan yang perlu kepada Dasar ini.



## 6.0 CADANGAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK UiTM

- 6.1 BITCOM selepas menerima makluman secara bertulis daripada Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu atau mana-mana pihak lain (selepas ini dirujuk sebagai pihak pencadang) berhubung penghasilan sesuatu Harta Intelek UiTM dan/atau pengetahuan teknologi sama ada di bawah Dasar ini atau Dasar Harta Intelek UiTM boleh memutuskan supaya Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut dikomersialkan, jika sekiranya didapati wajar oleh BITCOM.
- 6.2 Pihak pencadang hendaklah memberikan cadangan pengkomersialan Harta Intelek dan / atau pengetahuan teknologi tersebut secara bertulis kepada BITCOM.
- 6.3 Pada atau secepat mungkin selepas membuat cadangan tersebut, pihak pencadang dengan sedaya-upayanya hendaklah membekalkan maklumat berikut kepada BITCOM:
  - a. butiran teknikal Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut;
  - b. maklumat “prior art” dan/atau sorotan teknologi (jika berkenaan);
  - c. sama ada Hak Harta Intelek tersebut telah didaftarkan atau permohonan perlindungan Hak Harta Intelek telah dibuat;
  - d. nilai komersial Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut;
  - e. kebolehpasaran Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut;
  - f. kos pengkomersialan Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut;
  - g. rancangan perniagaan; dan
  - h. ramalan kadar pulangan pelaburan.

- 6.4 Jika dirasakan perlu, BITCOM boleh meminta apa-apa maklumat tambahan daripada pihak pencadang yang menghasilkan Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut.
- 6.5 Sebaik sahaja menerima maklumat/maklumat tambahan tersebut, BITCOM hendaklah memastikan bahawa UiTM adalah pemilik sah dan mutlak Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut.
- 6.6 Jika sekiranya BITCOM mendapati:
- a. Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut adalah dimiliki oleh UiTM secara bersama dengan pihak lain, BITCOM hendaklah memastikan bahawa hak untuk mengkomersialkan dan isu berkaitan pengagihan Hasil Pengkomersialan, telah dipersetujui terlebih dahulu secara bertulis antara UiTM dan pemilik bersama tersebut;
  - b. Wujud apa-apa obligasi UiTM dengan Pihak Luar di bawah apa-apa perjanjian yang membabitkan Harta Intelek UiTM dan/atau pengetahuan teknologi, BITCOM hendaklah dengan segera menghubungi pihak luar berkenaan dan mengadakan rundingan bagi pihak UiTM berhubung pengkomersialan Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut, berasaskan kepada terma dan syarat Perjanjian yang dimasuki dengan Pihak Luar tersebut; atau
  - c. Harta Intelek dan / atau pengetahuan teknologi tersebut: (i) bukan di bawah hak milik UiTM, atau (ii) ia adalah idea, produk ('tangible' dan 'non-tangible') atau proses yang di hasilkan oleh staf, pelajar dan rakan sekutu UiTM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi tetapi tidak diklasifikasikan sebagai Harta Intelek atau didapati tidak layak mendapat perlindungan hak Harta Intelek; BITCOM akan memaklumkan secara bertulis tentang perkara tersebut kepada pihak pencadang, di mana pihak pencadang adalah bebas untuk mengeksplorasi/mengkomersialkannya atas perbelanjaannya sendiri.

- 6.7 Dalam keadaan fasal 6.6(c)(i) dan fasal 6.6(c) (ii) di atas, jika sekiranya selepas dimaklumkan oleh BITCOM, pihak pencadang tetap berhasrat untuk mengkomersialkan dengan menggunakan pakai Dasar ini maka peruntukan (a) dan (b) di bawah adalah terpakai:
- a. Bagi keadaan c(i), harta intelek dan/atau pengetahuan teknologi yang bukan di bawah hak milik UiTM, satu perjanjian penyerahan hak atau pelesenan Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut kepada UiTM hendaklah dimasuki terlebih dahulu di antara UiTM dengan Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu berkenaan;
  - b. Bagi keadaan c(ii), idea, produk atau proses tersebut, satu Perjanjian yang memberi hak atau kepentingan kepada UiTM untuk mengkomersialkan idea, produk, proses tersebut hendaklah dimasuki di antara UiTM dengan pihak pencadang tersebut.
- 6.8 Selepas langkah-langkah yang diperihalkan di fasal 6.6(c)(i) atau 6.6(c)(ii) di atas telah disempurnakan, Harta Intelek/idea/produk/proses tersebut hendaklah bagi tujuan Dasar ini, dianggap sebagai Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi UiTM.
- 6.9 BITCOM bertanggungjawab dalam urusan pemprosesan pengkomersialan Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi UiTM.
- 6.10 Dalam tempoh yang munasabah selepas hak milik UiTM ke atas Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut dapat dipastikan dan urusan-urusan yang diperihalkan dalam Fasal 6.6(a) hingga 6.6(c) di atas telah diselesaikan, BITCOM hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:
- a. memaklumkan kepada JKHIP tentang cadangan pengkomersialan tersebut;
  - b. mendapatkan laporan penilai bebas berhubung cadangan pengkomersialan tersebut (jika perlu);
  - c. mengenal pasti pihak-pihak yang berpotensi untuk mengkomersialkan Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut;

- d. menentukan kaedah/mekanisme pengkomersialan yang paling sesuai bagi Harta Intelek dan/atau pengetahuan teknologi tersebut.

6.11 Seterusnya, dalam tempoh yang munasabah dari tarikh:

- a. laporan penilai bebas diterima (jika berkenaan); pihak-pihak yang berpotensi dapat dikenal pasti; dan
- b. kaedah/mekanisme pengkomersialan dapat ditentukan; maklumat lengkap cadangan pengkomersialan hendaklah dimaklumkan kepada JKHIP oleh BITCOM untuk kelulusan.





## 7.0 KAEDAH PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

- 7.1 Pihak-pihak yang berunding dalam pengkomersialan Harta Intelek hendaklah menimbaangkan kesemua kaedah pengkomersialan yang wujud dan berada dalam pengetahuan mereka, serta menimbaangkan kelebihan dan kekurangan setiap satu kaedah tersebut, sebelum memilih mana-mana kaedah berkenaan.
- 7.2 Kaedah pengkomersialan Harta Intelek yang boleh dipilih termasuk, tetapi tidak terhad kepada kaedah-kaedah berikut:

### 7.2.1 Pelesenan hak Harta Intelek

- a. Pemberian lesen boleh dihadkan mengikut kawasan, tempoh masa, industri atau bidang tertentu.
- b. Jenis-jenis lesen yang boleh dipilih sebagai kaedah pengkomersialan Harta Intelek, adalah seperti berikut:
  - i. Lesen Eksklusif;
  - ii. Lesen Tunggal;
  - iii. Lesen Bukan Eksklusif;
  - iv. Lesen Bersilang.

### 7.2.2 Penyerahan hak Harta Intelek

- a. Penyerahan hak Harta Intelek melibatkan penjualan terus Hak Harta Intelek, yang mana penyerah hak memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas Harta Intelek kepada penerima serah hak.
- b. Sebarang urusan penyerahan hak Harta Intelek sama ada oleh UiTM atau kepada UiTM hendaklah dilaksanakan secara bertulis melalui Perjanjian Penyerahan Hak dengan pihak-pihak yang berkenaan.
- c. BITCOM jika difikirkan perlu boleh menyerah hak Harta Intelek UiTM kepada mana-mana pihak yang sesuai tertakluk kepada kelulusan JKHIP bagi tujuan pengkomersialan di bawah Dasar ini.

### 7.2.3 Penubuhan Syarikat Usahasama, Syarikat Pemula dan Terbitan Universiti

- a. Syarikat usahasama – sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Universiti bersama dengan pihak luar bagi tujuan pengkomersialan Harta Intelek, yang mana Universiti dan pihak luar tersebut adalah pemegang saham syarikat tersebut.
- b. Syarikat Pemula Universiti- Syarikat Pemula adalah syarikat baharu yang ditubuhkan oleh Staf UiTM dengan kebenaran oleh Naib Canselor untuk mengkomersialkan harta intelek, teknologi, perkhidmatan atau produk hasil penyelidikan Universiti, sama ada dengan cara UiTM memiliki atau tidak memiliki pegangan (ekuiti) di dalam syarikat tersebut. Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat pemula terhad kepada aktiviti-aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan pengkomersialan harta intelek yang telah dipersetujui di antara UiTM dan syarikat melalui satu perjanjian yang ditandatangani bersama. Perlaksanaan, pemantauan serta pelaporan berkenaan dengan syarikat pemula ini mestilah berdasarkan Garis panduan Syarikat Pemula UiTM 2021.
- c. Syarikat Terbitan Universiti - Syarikat Terbitan adalah syarikat milik Staf UiTM yang telah beroperasi dengan kebenaran oleh UiTM untuk mengkomersialkan harta intelek, teknologi, perkhidmatan atau produk hasil penyelidikan Universiti, sama ada Universiti memiliki atau tidak memiliki pegangan ekuiti di dalamnya, dan syarikat telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dari segi kewangan dan pematuhan kepada perjanjian yang ditandatangani dengan pihak UiTM. Syarikat Terbitan dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan yang dapat menjana keuntungan selain daripada perniagaan yang berkaitan dengan pengkomersialan harta intelek UiTM untuk tujuan pengembangan dan kemajuan syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat pada setiap masa mestilah mengekalkan satu atau lebih perjanjian pelesenan harta intelek dengan pihak UiTM.

7.2.4 Garis panduan bagi penubuhan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti, adalah seperti di Lampiran 1.

#### 7.2.5 Pemindahan Teknologi

- a. Pemindahan Teknologi yang dimiliki oleh UiTM boleh dilakukan sama ada melalui pembelian teknologi secara terus oleh pihak luar, pemberian lesen kepada pihak luar atau apa-apa cara pemindahan lain yang sah di sisi undang-undang.
- b. Walau apa pun cara pemindahan teknologi yang digunakan di bawah Dasar ini, satu Perjanjian Pemindahan Teknologi hendaklah dimeterai di antara UiTM dengan pihak luar tersebut.

#### 7.2.6 Syarat Khas Pemberian Lesen Eksklusif

- a. Penyerahan hak atau pemberian lesen eksklusif Hak Harta Intelek UiTM di bawah fasal ini, tidak boleh diberikan melainkan penerima serah hak atau penerima lesen tersebut bersetuju untuk menghasilkan/membuat/mengilang/mengeluarkan produk yang mengandungi atau menggunakan pakai Harta Intelek tersebut secara substantif di Malaysia.
- b. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, syarat khas yang diperlukan di atas boleh diketepikan dalam keadaan-keadaan berikut:
  - i. segala usaha yang wajar telah dilakukan, tetapi tidak berhasil/gagal untuk mendapatkan penerima serah hak atau penerima lesen yang sanggup memenuhi syarat khas tersebut; atau
  - ii. dalam keadaan di mana penghasilan/pembuatan/pengilangan/pengeluaran produk tersebut di Malaysia adalah didapati tidak wajar.

### 7.2.7 Pengagihan Hasil Pengkomersialan Harta Intelek UiTM:

- a. Dalam keadaan di mana UiTM memperoleh hasil daripada pengkomersialan sesuatu Harta Intelek, Hasil Bersih Pengkomersialan tersebut akan diagihkan di antara UiTM dengan penyelidik yang menghasilkan Harta Intelek tersebut dengan pecahan seperti berikut:
  - i. 70% - Penyelidik
  - ii. 30% - Universiti (Pecahan agihan adalah mengikut Jadual 1)

Jadual 1: Pengagihan Hasil Bersih Pengkomersialan

No	Hasil Pengkomersialan bersih UiTM	Bahagian Agihan (100%)
1.	Tabung Fakulti/PTJ/Pusat	40%
2.	Tabung Amanah Pengkomersialan BITCOM	40%
3.	Tabung Dana Kecemerlangan Pendidikan	10%
5.	Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU)	10%

- b. Hasil pengkomersialan dari bayaran Syarikat Pemula dan Terbitan Universiti kepada UiTM juga akan diagihkan mengikut Jadual 1.



## 8.0 PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN KOMITMEN STAF UiTM

### 8.1 Am

- 8.1.1 UiTM membenarkan dan menggalakkan Staf melibatkan diri dalam aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM. Dalam masa yang sama, UiTM mempunyai komitmen terhadap nilai asas dalam ketelusan, keutuhan kesarjanaan dan kebebasan dalam memenuhi misinya untuk mewujud, memelihara dan menyebar ilmu pengetahuan melalui pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.
- 8.1.2 Semua Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM hendaklah bertindak dengan jujur, penuh integriti dan mengutamakan kepentingan UiTM semasa menjalankan aktiviti pengkomersialan.
- 8.1.3 Apabila UiTM membenarkan dan menggalakkan aktiviti pengkomersialan, maka percanggahan kepentingan dan komitmen mungkin timbul dan tidak dapat dielakkan. Aktiviti pengkomersialan tidak seharusnya mengganggu obligasi Staf terhadap UiTM.
- 8.1.4 Staf boleh terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM selagi tidak bercanggah dengan kepentingan UiTM atau dengan komitmen Staf terhadap UiTM, Pelajar UiTM, Rakan Sekutu atau dengan pihak lain yang UiTM mempunyai kewajipan terhadapnya.
- 8.1.5 Terdapat beberapa percanggahan kepentingan dan komitmen yang boleh wujud berhubung dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada percanggahan yang berkaitan dengan penglibatan Staf dalam: a. penghasilan Harta Intelek UiTM; b. permohonan perlindungan Hak Harta Intelek UiTM; c. perundingan pengkomersialan Harta Intelek UiTM; d. pelesenan atau penyerahan hak Harta Intelek UiTM; atau e. syarikat pemula/terbitan atau syarikat usaha sama UiTM.

## 8.2 Peraturan dan prosedur

Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM mempunyai obligasi untuk melaksanakan dasar dan amalan UiTM berhubung dengan percanggahan kepentingan dan percanggahan komitmen. Bagi memenuhi obligasi ini, Staf mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

### 8.2.1 Tanggungjawab Staf

- a. **Komitmen profesional:** Staf mestilah memenuhi tanggungjawabnya terhadap fakulti, kampus, pusat, bahagian atau unit pentadbiran lain yang ditetapkan untuknya.
- b. **Keperluan pendedahan:**
  - i. Staf mestilah mendedahkan semua percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang wujud akibat daripada aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM kepada BITCOM.
  - ii. Staf juga mestilah memberikan maklumat tambahan yang berkaitan dengan perkara yang didedahkan atau yang tidak didedahkan seperti yang diminta oleh BITCOM untuk tujuan menilai kewujudan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen. Semua pendedahan hendaklah dibuat dengan telus dan segera.
- c. Tanggungjawab Kolej Pengajian, Fakulti, Kampus, Pusat, Bahagian dan unit pentadbiran:
  - i. Selaras dengan Garis Panduan ini dan semua Dasar UiTM yang berkaitan, Penolong Naib Canselor, Dekan, Rektor, Pengarah, Ketua Bahagian dan ketua setiap unit pentadbiran mestilah menyampaikan dan menyebarkan isi kandungan Garis Panduan ini kepada Staf di bawah kawalan mereka.

- ii. Apabila mana-mana Penolong Naib Canselor, Dekan, Rektor, Pengarah, Ketua Bahagian atau mana-mana ketua unit berpendapat wujud percanggahan kepentingan atau komitmen Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM, maka ia mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan kepada BITCOM berhubung perkara tersebut.

### 8.3 Pelanggaran

8.3.1 Pelanggaran pada mana-mana bahagian rancangan untuk menyelesaikan percanggahan akan dianggap sebagai salah laku di pihak Staf dan boleh dikenakan hukuman pentadbiran hingga dan termasuk penamatkan pelantikan menurut prosedur disiplin yang terpakai.

8.3.2 Pelanggaran termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi apabila:

- i. Staf tahu keadaan yang boleh membawanya kepada percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mendedahkan percanggahan itu sepenuhnya, menurut dasar unitnya; dan
- ii. Staf mendedahkan percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang mungkin timbul atau sebenar tetapi gagal mematuhi sepenuhnya rancangan yang dikehendaki untuk mengelakkan atau mengendalikan percanggahan.



## 9.0 TANGGUNGJAWAB UNTUK MENJAGA KERAHSIAAN

- 9.1 Sebarang Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang didedahkan atau diperoleh oleh mana-mana pihak-pihak yang terlibat dalam rundingan pengkomersialan tersebut tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak lain, melainkan jika dipersetujui secara bertulis oleh UiTM.
- 9.2 Semua pihak yang terlibat dengan rundingan pengkomersialan Harta Intelek UiTM hendaklah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (*Confidential Agreement*)/Perjanjian Untuk Tidak Mengemukakan Maklumat (*NonDisclosure Agreement*) atau apa-apa Perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.
- 9.3 Bagi mengelakkan apa-apa pelanggaran Perjanjian, pihak-pihak yang terlibat dalam perbincangan itu bertanggungjawab mengambil langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk menjaga dan menjamin kerahsiaan apa-apa maklumat yang didedahkan atau diperoleh tersebut.
- 9.4 Jika terdapat sebarang ketidakpastian dan/atau percanggahan pendapat sama ada sesuatu data/maklumat yang didedahkan itu adalah Maklumat Sulit/Rahsia Perdagangan, rujukan hendaklah dibuat terlebih dahulu kepada BITCOM.



## **10.0 PENAMATAN STATUS SYARIKAT PEMULA DAN SYARIKAT TERBITAN**

10.1 Penamatan status Syarikat Pemula dan Syarikat Terbitan adalah berdasarkan satu atau lebih sebab berikut:

- a. Syarikat menyalahgunakan status Syarikat Pemula dan Syarikat Terbitan;
- b. Syarikat menjadikan reputasi universiti;
- c. Syarikat menjalankan perniagaan selain dari produk/teknologi yang diluluskan oleh universiti;
- d. Staf tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang termaktub di bawah perundangan universiti dan Malaysia;
- e. Staf yang telah bersara dan tidak lagi berkhidmat dengan universiti;
- f. Syarikat tidak memberi sebarang sumbangan kewangan kepada universiti;
- g. Syarikat beroperasi dalam keadaan kerugian sehingga menimbulkan risiko;
- h. Syarikat telah menjalankan aktiviti yang tidak selari dengan tujuan asal penubuhan syarikat;
- i. Staf dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti;
- j. Syarikat telah ditutup secara sukarela atau perintah mahkamah.



## 11.0 KUASA UNIVERSITI

- 11.1 Senat UiTM boleh pada bila-bila masa mengarahkan semakan/pindaan dibuat ke atas Dasar ini selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.
- 11.2 Senat UiTM juga boleh membenarkan apa-apa pengenepian (*waiver*) dan/atau pengecualian daripada mana-mana fasal di dalam Dasar ini jika difikirkan sesuai dan perlu. Sebarang pengenepian dan/atau pengecualian hanya bersifat sementara dan berdasarkan sesuatu keadaan, serta tidak membawa kesan sehingga mengubah/memindah/memansuhkan mana-mana fasal yang terbabit.



## 12.0 LAIN-LAIN

Dasar ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan objektif dan Akta serta peraturan yang ditetapkan oleh Universiti dan kementerian berkaitan.



## 13.0 TARIKH DASARINI BERKUAT KUASA

- 13.1 Dasar ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- 13.2 Bermula dari tarikh Dasar ini berkuat kuasa, kesemua peruntukan yang termaktub di dalam Dasar ini (setakat yang berkenaan) hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian terma dan syarat dalam semua kontrak (termasuk kontrak perkhidmatan), perjanjian, surat tawaran dan penerimaan dan lain-lain dokumen yang berkaitan di antara UiTM dengan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UiTM.
- 13.3 Penguatkuasaan Dasar ini tidak memberi kesan kebelakang (*retrospective*) terhadap mana-mana aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UiTM yang dimulakan sebelum daripada Dasar ini mula berkuat kuasa.

# **PROSEDUR & GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT PEMULA (START- UP) DAN SYARIKAT TERBITAN (SPIN-OFF)**

## **1. PENGENALAN**

Panduan penubuhan Syarikat Pemula (*Start-Up*) dan Syarikat Terbitan (*Spin-Off*) bertujuan untuk membantu staf yang berminat untuk menubuhkan syarikat yang berasaskan teknologi dalam bidang kepakaran masing-masing. Secara umumnya, program ini terbahagi kepada dua komponen iaitu:

- a. **Syarikat Pemula (*Start-Up*)**; Sebuah syarikat Pemula UiTM diberikan tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun untuk beroperasi, di mana dalam tempoh tersebut, syarikat boleh memohon bantuan seperti keperluan ruang dan/atau pinjaman kewangan daripada UiTM bagi memastikan ia boleh berdaya saing dan bertahan. Walau bagaimanapun, kelulusan bantuan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan UiTM. Selepas tiga (3) tahun, sekiranya UiTM (melalui BITCOM) berpendapat syarikat pemula itu menunjukkan prestasi yang memberansangkan, satu perjanjian lanjutan untuk satu tempoh yang dipersetujui oleh syarikat pemula dan UiTM boleh ditandatangani ATAU status syarikat pemula boleh ditukar kepada syarikat terbitan. Jika sebaliknya, status syarikat pemula boleh ditamatkan atau ditarik balik.
- b. **Syarikat Terbitan (*Spin-Off*)**; Syarikat Terbitan adalah syarikat milik Staf UiTM yang telah beroperasi dengan kebenaran oleh UiTM untuk mengkomersialkan harta intelek, teknologi, perkhidmatan atau produk hasil penyelidikan Universiti, samada Universiti memiliki atau tidak memiliki pegangan ekuiti di dalamnya, dan syarikat telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dari segi kewangan dan pematuhan kepada

perjanjian yang ditandatangani dengan pihak UiTM. Syarikat Terbitan dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan yang dapat menjana keuntungan selain dari perniagaan yang berkaitan dengan pengkomersialan harta intelek UiTM untuk tujuan pengembangan dan kemajuan syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat pada setiap masa mestilah mengekalkan satu atau lebih perjanjian pelesenan harta intelek dengan pihak UiTM.

## 2. OBJEKTIF

- a. Untuk menggalakkan kakitangan akademik untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan berasaskan teknologi dan bidang kepakaran yang dipersetujui oleh Universiti (*technopreneur*);
- b. untuk memupuk dan meningkatkan pelesenan harta intelek (IP) yang dihasilkan daripada penyelidikan UiTM;
- c. sebagai platform untuk penjanaan pendapatan UiTM

## 3. SYARAT KELAYAKAN

- a. Pemohon yang menubuahkan start-up/spin-off adalah warganegara Malaysia yang merupakan staf akademik (Gred 45 dan ke atas) di UiTM yang telah disahkan dalam jawatan;
- b. Pemohon (staf akademik UiTM) tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran di UiTM;
- c. Penyertaan daripada individu luar seperti industri, universiti atau agensi lain sebagai ahli adalah dibenarkan dan terhad kepada dua (2) orang sahaja;
- d. Perniagaan mestilah berasaskan teknologi dan bidang kepakaran staf.

## 4. PERMOHONAN

Pemohon hendaklah membuat permohonan dengan mengemukakan dokumen berikut:

- a. Butiran permohonan perlindungan harta intelek (BORANG IPR – BITCOM/B2/2015);
- b. Borang permohonan Syarikat Pemula (Start-Up)/ Syarikat Terbitan / “Start-up” / “Spin-off” (BITCOM/SU/2020/1);
- c. Dokumen lain yang berkaitan:
  - i. Borang Perisyiharan Syarikat / Perniagaan Persendirian (UiTM/UI/F.04/16a)
  - ii. Borang Permohonan Untuk Melakukan Pekerjaan Luar (UiTM/UI/F.O1/10/IRMI2016)
- d. Cadangan konsep projek / pelan perniagaan yang terdiri daripada:
  - i. Struktur pasaran - Analisa suasana pasaran perniagaan yang dicadangkan dan kajian kompetitif
  - ii. Potensi pengkomersialan - Analisis sasaran pasaran dan kajian kebolehlaksanaan
- e. Senarai nama pemilik syarikat dan alamat surat-menjurut;
- f. Salinan kad pengenalan pemilik syarikat;
- g. Cadangan nama syarikat;
- h. CV untuk setiap ahli pengurusan syarikat;
- i. Dokumen sokongan dan gambar produk.

## 5. PROSEDUR PERMOHONAN

5.1 Prosedur permohonan adalah seperti berikut:

- i. Pemohon perlu memohon perlindungan harta intelek bagi setiap teknologi yang hendak dikomersialkan.
- ii. Pemohon perlu menghantar borang permohonan Syarikat Pemula (Start-Up)/ Syarikat Terbitan / “Start-up” / “Spin-off” (BITCOM/SU/2020/1), Borang Perisyiharaan Syarikat/Perniagaan Persendirian (UiTM/UI/F.04/16a)

dan borang permohonan Untuk Melakukan Pekerjaan Luar (UiTM/UI/F.01/10/BITCOM2020). Dalam borang-borang tersebut, pemohon perlu mendapatkan ulasan dan kelulusan Penolong Naib Canselor/ Dekan/Rektor UiTM untuk menubuhkan perniagaan.

- iii. Pihak sekretariat akan membuat semakan ke atas dokumen permohonan tersebut bagi memastikan permohonan adalah lengkap. Jika tidak lengkap, pihak sekretariat akan menghubungi pemohon bagi mendapatkan maklumat tambahan.
  - iv. Pemohon hendaklah membentangkan rancangan perniagaan kepada panel penilai yang dilantik oleh BITCOM. Faktor utama diambil kira dalam proses penilaian adalah potensi teknologi yang dicadangkan untuk dikomersialkan. Maklumbalas penilaian akan diserahkan kepada BITCOM oleh penilai untuk langkah selanjutnya.
  - v. Keputusan penilaian pembentangan akan dimajukan oleh BITCOM kepada JKHIP untuk kelulusan di peringkat UiTM.
  - vi. Pemohon yang berjaya perlu membuat pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan menghantar salinan pendaftaran syarikat tersebut kepada pihak BITCOM.
  - vii. Dalam tempoh masa tertentu, pihak Syarikat Pemula/ Syarikat Terbitan perlu menandatangani perjanjian pelesenan dengan UiTM.
  - viii. Dalam tempoh masa yang ditetapkan, pihak Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan perlu membuat pembayaran kepada UiTM mengikut persetujuan yang tertakluk dalam perjanjian pelesenan.
- 5.2 Carta Alir/Proses Penubuhan Syarikat Pemula  
Carta alir seperti Jadual 1.

## 6. KAEADAH PELAKSANAAN

### 6.1 Kewangan

	SYARIKAT PEMULA	SYARIKAT TERBITAN
Royalti	Bergantung kepada persetujuan Syarikat Pemula ( <i>Start-up</i> )/ Syarikat Terbitan ( <i>Spin-off</i> ) dan UiTM	
Yuran Pelesenan	Bergantung kepada persetujuan antara Syarikat Pemula ( <i>Start-up</i> )/ Syarikat Terbitan ( <i>Spin-off</i> ) dan UiTM serta harta intelek yang dihasilkan.	

### 6.2 Keperluan Ruang

6.2.1 Pihak BITCOM akan membantu bagi permohonan ruang yang diperlukan oleh Syarikat Pemula (*Start-up*)/ Syarikat Terbitan (*Spin-off*).

6.2.2 Kegunaan ruang adalah secara pinjaman dan kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada ruang yang ada dan ketetapan Universiti.

6.2.3 Permohonan ruang (Pejabat/ Makmal) di UiTM oleh Syarikat Pemula (*Start-up*)/ Syarikat Terbitan (*Spin-off*) boleh dilakukan dengan membuat permohonan kepada BITCOM dengan menyatakan lokasi yang diperlukan sekiranya melibatkan keperluan makmal.

6.2.4 Tempoh penggunaan ruang yang dibenarkan hanyalah dua (2) tahun sahaja. Selepas tempoh tersebut, Syarikat Pemula (*Start-up*)/ Syarikat Terbitan (*Spin-off*) akan dikenakan kadar sewaan ruang seperti yang ditetapkan oleh UiTM.

6.2.5 Syarikat Pemula (*Start-up*)/ Syarikat Terbitan (*Spin-off*) perlu menunjukkan prestasi syarikat yang memuaskan dalam tempoh satu (1) tahun dari kelulusan kebenaran bagi mengelakkan penamatan kontrak pinjaman ruang di UiTM.

6.2.6 Hanya Syarikat Pemula (*Start-up*)/Syarikat Terbitan (*Spin-off*) yang telah mendapat kelulusan rasmi dari Naib Canselor dibenarkan untuk pemohonan ruang di dalam UiTM.

## 7. PENGLIBATAN PENYELIDIK

7.1 Penglibatan penyelidik adalah dengan merujuk kepada:

- a. Trek Pengamal Industri

Staf akademik yang telah mendapat kelulusan untuk menjalankan perniagaan syarikat pemula oleh Naib Canselor layak diberikan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) mengikut Trek Pengamal Industri seperti yang tertakluk dalam pekeliling Akademik UiTM Bil 5/2017: Amanah Tugasan Pensyarah (ATP).

## 8. PEMANTAUAN

8.1 Pemantauan prestasi syarikat akan dilakukan oleh BITCOM dan salinan laporan prestasi perlu diserahkan kepada Pejabat TNC (P&I), TNC (HEA), Pejabat Dekan Fakulti / Rektor Kampus dan Pejabat Pendaftar. Berikut adalah dokumen yang perlu diserahkan kepada Sekretariat bagi tujuan pemantauan:

8.1.1 Laporan Kemajuan & Kewangan Pihak Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan perlu menghantar laporan kemajuan dan kewangan syarikat kepada pihak BITCOM setiap 6 bulan.

8.1.2 Bayaran Royalti/Pendapatan kepada UiTM Bayaran royalti atau pendapatan yang diperoleh mestilah dibayar kepada UiTM selewat-lewatnya pada 15hb Disember setiap tahun atau mengikut perjanjian pelesenan yang telah ditandatangani.

8.2 Dalam tempoh DUA (2) tahun, sekiranya syarikat gagal menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, BITCOM akan menilai semula potensi kebolehjayaan dan mencadangkan kepada JKHIP untuk menarik balik kelulusan menjalankan perniagaan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan.

8.3 Kaedah penamatan status Syarikat Pemula dan Syarikat Terbitan adalah seperti berikut:

- a. BITCOM hendaklah membentangkan prestasi dan menyatakan sebab-sebab penamatan kepada JKHIP untuk mendapatkan kelulusan penamatan dan seterusnya diperakui di senat universiti.
- b. BITCOM akan memaklumkan kepada syarikat yang akan ditamatkan secara rasmi.
- c. Segala kos seperti kos sewa premis dan kos pelesenan hendaklah dituntut daripada pemunya syarikat.
- d. Pemunya syarikat yang diberikan pinjaman ruang di UiTM perlu menyerahkan semula ruang yang diberikan dalam keadaan yang baik dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat penamatan dikeluarkan.
- e. Penamatan status mestilah dihebahkan untuk pengetahuan umum oleh BITCOM.

**Jadual 1: Carta Alir/Proses Penubuhan Syarikat Pemula**

PYB	CARTA ALIR	PROSES/ AKTIVITI	DOKUMEN RUJUKAN
		<b>Mula</b>	
Penyelidik		Pemohonan Penubuhan Syarikat Pemula ( <i>Start-Up</i> ) UiTM	i. Borang Permohonan Penubuhan Syarikat Pemula (BITCOM/SU/2020/1) ii. Borang Permohonan Melakukan Kerja Luar (UiTM/UI/F.O1/10) – iii. Borang Permohonan Perlindungan Harta Intelek iv. Pelan perniagaan v. Maklumbalas Penerimaan Borang

BITCOM	<pre> graph TD     Start(( )) --&gt; Diamond{ }     Diamond -- Diterima --&gt; Step1[Penilaian produk/ teknologi &amp; Semakan Pemohonan (Diterima, Ditolak atau Penambahbaikan)]     Diamond -- Ditolak --&gt; Step2[i. Borang penilaian Idea/ Produk Makumbalas Penerimaan/ Penambahbaikan/ Penolakan]   </pre>	Penilaian produk/ teknologi & Semakan Pemohonan (Diterima, Ditolak atau Penambahbaikan)	i. Borang penilaian Idea/ Produk Makumbalas Penerimaan/ Penambahbaikan/ Penolakan
Panel Penilai BITCOM	<pre> graph TD     Start(( )) --&gt; Diamond{ }     Diamond -- Disokong --&gt; Step1[Pembentangan dan Penilaian oleh Panel Penilai (Disokong/ Tidak Disokong/ atau Penambahbaikan). Keputusan penilaian dibentangkan di JKHIP]     Diamond -- Tidak disokong --&gt; Step2[ii. Minit Mesyuarat JKHIP iii. Surat kebenaran (BITCOM)]   </pre>	Pembentangan dan Penilaian oleh Panel Penilai (Disokong/ Tidak Disokong/ atau Penambahbaikan). Keputusan penilaian dibentangkan di JKHIP.	i. Borang penilaian pembentangan ii. Minit Mesyuarat JKHIP iii. Surat kebenaran (BITCOM)
Penyelidik		Pendaftaran syarikat, penyerahan salinan dokumen SSM dalam masa 6 bulan dari tarikh surat kebenaran	i. Pendaftaran Syarikat (SSM)
BITCOM/ Penyelidik		Penderafan, semakan dan kelulusan perjanjian	i. Deraf Perjanjian Pengkomersialan
BITCOM/ Penyelidik		Menandatangani perjanjian dalam masa 6 bulan dari tarikh surat kebenaran	i. Perjanjian Pengkomersialan
BITCOM/ Penyelidik	<pre> graph TD     Start(( )) --&gt; Diamond{ Tidak lengkap }     Diamond -- Dibatalkan --&gt; Step1[Melengkapskan perjanjian pelesenan antara Syarikat Pemula &amp; UiTM]     Diamond -- Lengkap --&gt; Step2[ii. Surat Kelulusan Rasmi sebagai Syarikat Pemula UiTM dari Naib Canselor]   </pre>	Melengkapskan perjanjian pelesenan antara Syarikat Pemula & UiTM	i. Surat Kelulusan Rasmi sebagai Syarikat Pemula UiTM dari Naib Canselor
		<b>Tamat</b>	

## RUJUKAN

1. Harta Intelek (Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Petunjuk Geogra i 2000, Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000).
2. Dasar Pengkomersialan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009)
3. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (2013 – 2020).
4. Garis Panduan Perundingan, Pengurusan dan Pengkomersialan Harta Intelek Universiti Awam 2020.
5. Pekeliling Perkhidmatan:
  - i. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 2009: Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai oleh Kerajaan.
  - ii. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002: Pemilikan dan Perisyntiharhan Harta oleh Pegawai Awam.
  - iii. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993: Bayaran (Fees), elaun - elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengurus/Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun/ Kuasa-kuasa Tempatan/ Badan-badan Perniagaan yang kerajaan mempunyai kepentingan).
  - iv. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982 Penglibatan Staf Kerajaan Dalam Lembaga Pengarah Syarikat Perdagangan/ Perusahaan Persendirian Atau Syarikat Perdagangan/Perusahaan di mana Koperasi/ Tabung/ Kesatuan Sekerja Staf Awam Mempunyai Kepentingan Dari Segi Pelaburan Modal Dan/Atau Ekuiti.

# BITCOM

BUSINESS INNOVATION & TECHNOLOGY  
COMMERCIALIZATION CENTRE



bitcom.uiitm.edu.my



BITCOM UIITM



bitcom\_uitm



bitcomuitm

PENERBIT **PRESS**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

